

**TITAH UCAPAN
DULI YANG MAHA MULIA
YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
DI ISTIADAT PERSIDANGAN PERTAMA (PERASMIAN)
PENGGAL KETIGA,
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian ke hadrat Allah S.W.T. kerana Beta dikurniakan kesihatan untuk berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-14. Beta bersyukur atas kehadiran Orang Kaya Beta dan Tunku Besar Tampin serta semua yang hadir. Beta juga mengharapkan semua yang ada dalam Dewan pada pagi ini turut merasai nikmat kesihatan.

Pendahuluan

2. Sepanjang bersemayam di takhta Kerajaan, Beta berasa amat sukacita dengan pelbagai kejayaan dan pembangunan yang dikecapi rakyat. Ini tercapai hasil perancangan dan hala tuju yang dilaksanakan oleh Kerajaan Beta, yang mana kini di bawah pimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, telah memulakan beberapa inisiatif baru dan penambahbaikan dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Oleh itu, besarlah harapan Beta agar kecemerlangan ini diteruskan supaya matlamat menjadi Negeri Maju menjelang 2045 akan tercapai.
3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, seluruh dunia pada ketika ini sedang berhadapan dengan wabak pandemik COVID-19 yang amat memberi

kesan kepada manusia. Pandemik ini menjejaskan hampir kesemua sektor ekonomi dunia dan Malaysia serta Negeri Sembilan turut menerima impak negatif tersebut. Dalam situasi ini, tindakan proaktif telah diambil oleh Kerajaan Beta dengan menyediakan peruntukan berjumlah **RM18.74 juta** ke dalam Akaun Amanah Bencana Negeri bagi membiayai pelbagai program bantuan kepada rakyat dan barisan hadapan. Antara bantuan yang telah dan sedang disalurkan adalah bantuan makanan asas kepada seramai 39,995 orang Ketua Isi Rumah (KIR), bantuan tunai RM300 secara *one-off* kepada seramai 10,000 orang penjaja/peniaga kecil berdaftar di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan bantuan tunai RM300 kepada 3,333 orang pemandu teksi berdaftar, ehailing/grab dan pemandu kereta sewa. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyumbang sebanyak RM500 ringgit kepada setiap keluarga pesakit yang dikesan positif COVID-19. Bagi meringankan lagi beban rakyat, Kerajaan Negeri mengecualikan bayaran sewa rumah PPR kepada seramai **4,740 orang penyewa** untuk bulan Mac dan April 2020 yang akan menyebabkan kehilangan hasil negeri sebanyak RM 1.24 juta.

4. Bagi membantu menjamin kesinambungan rantaian bekalan makanan di Negeri Sembilan, sebanyak RM100 ribu telah disumbangkan kepada FAMA untuk terus menjalankan aktiviti pemudahcara antara usahawan tani dengan pengguna.
5. Bagi membantu kontraktor kecil Bumiputera, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak **1,108** projek penyelenggaraan jalan di bawah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) yang melibatkan

peruntukan sebanyak **RM269.44 juta**. Selain daripada projek MARRIS, Beta dimaklumkan bahawa sebanyak RM5 juta peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak 65 projek pembangunan. Adalah diharapkan, melalui peruntukan projek pembangunan ini, akan dapat membantu lebih ramai kontraktor kecil terutamanya kontraktor Bumiputera di samping membantu perniagaan lain dalam rangkaian sektor pembinaan seperti *hardware*, kuari dan pasir.

6. Bagi menghargai penjawat awam, Kerajaan Beta telah mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Jabatan Negeri dan semua kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri dengan kadar RM1,000 seorang. Pembayaran berjumlah RM6.4 juta ini akan dibuat pada 8 Mei ini. Beta berharap agar pemberian ini dapat meringankan beban kewangan penjawat awam dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Peranan, Tanggungjawab dan Jati Diri

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

7. Kita kini berada pada fasa terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan akan memasuki Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang menumpukan kepada kemakmuran Negara serta Negeri secara inklusif, adil dan saksama. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan organisasi untuk menghayati peranan yang boleh dimainkan dan

seterusnya turut serta menggembelng tenaga merealisasikan hasrat ini. Penglibatan semua peringkat dan lapisan masyarakat secara muafakat amatlah penting bagi memastikan agenda perancangan secara holistik dapat dilaksanakan dengan tiada golongan yang tercicir dan terpinggir.

Prestasi Ekonomi dan Kewangan Negeri Sembilan

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

8. Kita semua sedia maklum, situasi ekonomi Negara pada masa ini turut terkesan akibat daripada tekanan luaran berikutan perang perdagangan dan ketidaktentuan ekonomi di peringkat global khususnya akibat penularan wabak Covid-19. Di peringkat negeri, keadaan yang sama juga berlaku dan Beta disembang maklum bahawa secara umumnya pertumbuhan ekonomi mencatatkan perkembangan sederhana di mana sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan dua sektor utama penyumbang Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri sebelum ini.
9. Beta yakin, Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan dan pelan tindakan yang mencakupi seluruh sektor ekonomi bagi memastikan prestasi ini terus dipertingkatkan. Usaha berterusan juga giat dijalankan khususnya melalui sesi *engagement* bersama pelabur luar mahupun pelabur dalaman. Hasil daripada pelaburan ini telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan kepada penduduk negeri ini. Oleh itu, Beta berharap agar dasar pintu terbuka kepada para pelabur diteruskan dengan memperkemaskan lagi

insentif, tawaran kemudahan dan prasarana yang lengkap untuk menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Sembilan.

10. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Beta kerana berjaya memperoleh kutipan hasil sebanyak RM556 juta pada tahun 2019. Kutipan hasil ini merupakan nilai kutipan tertinggi dalam sejarah pentadbiran negeri ini dan melepasi sasaran yang dibajetkan iaitu RM430 juta. Ini membuktikan bahawa hasrat Kerajaan Negeri semasa melaksanakan belanjawan tahun 2019 bertemakan “Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan” telah berjaya direalisasikan. Beta berharap pencapaian yang cemerlang ini akan diteruskan bagi tahun 2020 dengan jangkaan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM457 juta berdasarkan belanjawan yang telah disediakan.

Keprihatinan Kepada Rakyat

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

11. Kerajaan Beta amat prihatin dengan keperluan rakyat dan telah menunjukkan komitmen mereka dengan adanya beberapa inisiatif dan insentif yang telah dibentangkan semasa pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020 pada tahun lepas.
12. Melalui Belanjawan Berimbang 2020, sebanyak RM457 juta bagi tujuan mengurus telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pelbagai inisiatif dan insentif telah diatur untuk semua peringkat rakyat, baik untuk anak kecil melalui galakan penubuhan pusat asuhan atau tadika hinggalah kepada bantuan peralatan

kesihatan untuk pesakit yang kurang berkemampuan. Pada masa yang sama, bantuan kewangan sebanyak RM3 juta yang telah diperuntukkan untuk anak-anak di Sekolah Tahfiz Swasta, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Swasta pada tahun 2019 telah diteruskan di samping peluasan peruntukan kepada bantuan penyelenggaraan kemudahan sekolah di seluruh Negeri Sembilan.

13. Golongan wanita dan belia selaku tunjang pembangunan Negara dan Negeri juga sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan untuk terus dibimbing dan disantuni. Ini jelas terbukti apabila sebanyak RM1.5 juta disediakan untuk program *Power House Wanita Gemilang* dan sebanyak RM1 juta untuk bantuan ibu tunggal yang diberikan secara *one-off*. Manakala sebanyak RM100 ribu telah diperuntukkan bagi mengisi Tabung Belia Harapan (TABAH) yang disediakan untuk program pembangunan dan latihan belia. Oleh itu, segala perancangan yang baik ini hendaklah dilaksanakan dan mencapai objektif kepada golongan penerima yang disasarkan.
14. Di samping peruntukan secara langsung kepada rakyat melalui tema belanjawan 2020 “Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat”, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan agenda pembangunan bagi merapatkan jurang pembangunan di antara wilayah di negeri ini dan terus kekal kompetitif dalam semua sektor pertumbuhan ekonomi sama ada perindustrian, pertanian, pelancongan atau perkhidmatan. Oleh itu, peruntukan pembangunan sebanyak RM101.20 juta yang dibentangkan semasa belanjawan yang lalu hendaklah segera dilaksanakan.

Pengukuhan Perkhidmatan Dan Tadbir Urus

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

15. Segala bentuk perancangan dan pelaksanaan dasar seharusnya direalisasikan dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berintegriti. Dalam hal ini, Ahli-ahli Dewan bersama pasukan penjawat awam dari semua Jabatan dan Agensi harus berusaha dengan lebih kreatif dan inovatif khususnya melalui penggunaan aplikasi teknologi terkini dalam perkhidmatan dan tadbir urus di Negeri ini. Pada tahun 2019, beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan, antaranya sistem e-Doket, sistem eStrata, alat pengukur tanah elektromagnetik, dan pembayaran hasil secara elektronik. Semua pihak hendaklah sentiasa mengambil peluang atas kepesatan pembangunan teknologi hari ini agar dapat menjadikan perkhidmatan kepada rakyat dan Negeri lebih efisien.

Pembangunan Mampan

16. Jika dilihat kepada prestasi pembangunan yang lalu, Negeri Sembilan terus mencatatkan peningkatan yang membanggakan. Sewajarnya usaha pembangunan bandar di Negeri Sembilan dipergiatkan lagi selari dengan Agenda Perbandaran Baharu atau *New Urban Agenda (NUA)*. Agenda ini merangkumi lima (5) teras strategik yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan dan kesejahteraan bandar dalam tempoh 20 tahun akan datang iaitu kemakmuran bandar, sosial inklusif, kelestarian persekitaran, urus tadbir dan pembangunan spatial (ruang). Lima (5) teras ini akan menjadi visi ke arah mencapai pembangunan perbandaran mampan. Dalam konteks ini, setinggi

penghargaan Beta ucapkan kepada semua atas pengisytiharan Seremban sebagai Bandaraya yang pertama di Negeri ini. Kejayaan ini perlu diperluaskan ke daerah-daerah lain supaya seluruh rakyat dapat menikmati limpahan pembangunan dan peningkatan taraf hidup.

17. Pada masa yang sama, kelestarian alam semula jadi yang terdapat di Negeri ini perlu dipelihara dan dikekalkan. Sumber biodiversiti perlu diteroka dan dibangunkan tanpa menjejaskan persekitaran dan keasliannya. Lokasi yang telah dikenalpasti seperti Taman Negeri Kenaboi di Jelevu dan Hutan Simpan boleh dijadikan lokasi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara. Dengan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang berkualiti, akan meningkatkan industri pelancongan dan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk setempat.

Penutup

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

18. Dalam usaha memerangi penularan wabak COVID-19, Beta berasa bangga dan amat menghargai komitmen serta dedikasi yang ditunjukkan oleh semua petugas barisan hadapan serta mereka yang membantu di belakang tabir. Beta juga kagum dengan komitmen yang ditunjukkan oleh rakyat apabila ramai yang menjadi sukarelawan dengan memberikan bantuan melalui pelbagai cara. Sesungguhnya peristiwa ini merupakan satu sejarah dan kita telah membuktikan bahawa kita mampu bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. **Beta**

menyeru agar semangat ini terus diamalkan masyarakat walaupun ancaman wabak COVID-19 telah tiada nanti.

19. Beta turut menyeru semua pihak bermuhasabah diri dan melihat semula peranan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan supaya matlamat untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat dan seterusnya menjadi negeri maju terlaksana. Kesefahaman dan kerjasama antara satu sama lain akan dapat memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif.

20. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Dewan untuk sentiasa mengutamakan pembangunan masyarakat dan negeri dengan bersama-sama menyumbang tenaga dan idea kerana inilah kepercayaan dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat. Sesungguhnya rakyat sentiasa memerhati dan menilai apa sahaja tindakan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh yang demikian, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama. **Pastikan sebarang tindakan atau keputusan yang diambil adalah berteraskan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan bukan untuk kepentingan diri sendiri.**

21. Akhir titah, Beta mengingatkan Ahli Dewan yang mulia ini agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Peraturan-Peraturan Tetap Dewan juga hendaklah sentiasa dipatuhi semasa

berhujah dan sepanjang persidangan berlangsung. Berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan. Berkhidmatlah dengan ikhlas demi negeri yang kita kasihi, agar beroleh kejayaan seperti yang diimpikan.

22. Beta dan Tunku Ampuan Besar sentiasa berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

Dengan lafaz suci **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri ke-14.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.